



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 12/2012

Rujukan : Bil (21)d/m.MBI.B1/12/1/11

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

22 Mei 2012

Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PROSES PENYEDIAAN BAYARAN PELAN MELALUI PENGGUNAAN SPBT MBI ON LINE.

Dengan segala hormatnya, saya memohon perhatian Y.Bhg.Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa penambahan proses melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE telah diwujudkan iaitu 'Proses Penyediaan Bayaran Pelan' di mana data awal akan dimasukkan oleh pegawai/anggota Bahagian Pusat Kelulusan Setempat (OSC) seperti nama Projek, nama jalan/taman/kampung, nama konsultan, nama pemaju/pemohon, jenis bangunan, kategori cagaran dan lain-lain lagi ke dalam sistem tersebut. **(Rujuk Lampiran 1 : Paparan Skrin SPBT MBI ON LINE)**

3. Untuk makluman, kemasukan data melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE ini akan digunakan untuk proses pengiraan secara 'automatik' bagi bayaran pelan bangunan termasuk cagaran yang dikenakan sebelum dicetak. **(Rujuk Lampiran 2 : Pengiraan bayaran proses pelan dan cagaran yang dikenakan)**. Ini membolehkan cetakan bil bayaran proses pelan dan cagaran dicetak secara serentak.

4. **SPBT MBI ON LINE - Modul Perancang melalui [Sub-Menu : Bahagian Bangunan – Proses Pelan]** ini membolehkan data dan maklumat berkaitan seperti saiz lantai, unit bangunan, bilangan tingkat termasuk pembinaan sanitari, culvert dan pagar yang akan didirikan dapat direkodkan di dalam sistem. Ini akan menjadi salah satu indikator atau pertimbangan yang boleh digunakan untuk menilai pembangunan di kawasan Majlis termasuk membuat analisis atau anggaran kasar berkaitan bajet hasil cukai yang bakal diperolehi oleh Majlis.

5. Oleh itu, Y.Bhg.Dato'/tuan/puan dipohon untuk mengambil maklum berkenaan penggunaan SPBT MBI ON LINE bagi 'Proses Penyediaan Bayaran Pelan'. Proses kemasukan data dan pengiraan secara sistem akan mula berkuatkuasa pada bulan Jun 2012.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"CINTAILAH BANDARAYA IPOH"
"INOVASI MEREALISASKAN TRANSFORMASI"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI ROSHID BIN HAJI HASHIM)
Datuk Bandar Ipoh

Lampiran 1 : Paparan Skrin SPBT MBI ON LINE –
 Modul Perancang [Sub-Menu : Bahagian Bangunan – Proses Pelan]

Developer/2000 Forms Runtime for Windows 95/NT - [PBT-Online]

Action Edit Block Field Record Query Window Help

KMAHIMIM SPBD PROJ_PROCPELAN PROSES PELAN

Input Biasa
 Pengiraan Sistem
 Senarai Nilai

BANGUNAN Keluar
 Bangunan Baru Bangunan Khas Bangunan Kompleks
 Bangunan Bersepadu Bangunan Khas/Guidance Bangunan Kompleks/Service/BK

NO SIRI DAN NAMA PROJEK

KOD & NAMA JALANTAMANKAMPUNG

NAMA KONSULTAN

NAMA DAN ALAMAT PEMAJU/PEMOHON

TARIKH MULA

TARIKH DIJANGKA SIAP

KATEGORI CAGARAN

BT	LOT	PLOI	KIRA
P1	LOT	PLOI	KIRA
P1	LOT	PLOI	KIRA
P1	LOT	PLOI	KIRA

Diinput Oleh Pada Dikemaskini Oleh Pada Pengiraan Bil/Cagaran

start Printers and Faxes Developer/2000 Form... Report to Server 5:21 PM

Lampiran 2 : Pengiraan bayaran proses pelan dan cagaran yang dikenakan (contoh)



MAJLIS BANDARAYA IPOH

CADANGAN MEMBINA EMPAT BUAH RUMAH KEDIAMAN 1 TINGKAT DI ATAS NO 466 (LOT 58187) OFF JALAN BERCHAM, KAMPUNG BARU BUKIT MERAH 31500 LAHAT PERAK DR.

BILANGAN UNIT: 4
UNTUK TETUAN: ELGI MARKA SDN BHD
 D/A MARKA INDUSTRIAL SDN BHD
 85 JALAN TELUK IPIH
 14300 NIBONG TEBAL
 30020 IPOH PERAK

Bil.	Jenis Bangunan	No Lot atau PT atau Plot		Bilangan	
		Dari	Hingga	Unit	Tingkat
1.	RUMAH TERES 1 TINGKAT (KOS RENDAH)	1234	1236	4	1
	Tingkat	Luas Lantai	Kadar	Amaun	
	Tkt Bawah	1	7	70.00	
	Sanitary		25	25.00	
	Culvert		25	25.00	
	Pagar		50	50.00	
	Jumlah bagi Setiap Unit			170.00	

Unit Pertama	100%	1	170.00
Unit Ke-2 hingga Ke-5	90%	4	612.00
Jumlah :			782.00

JUMLAH BAYARAN PROSES PELAN YANG DIKENAKAN 782.00
 CAGARAN YANG DIKENAKAN 1,000.00
 (Rumah Kediaman Sesebuah - Permohonan Kurang Dari 5 Unit @ RM 1,000.00 per Permohonan)